

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**ENVI CARE ENTERPRISE  
RAWATAN EFFLUEN PERINDUSTRIAN**

**DISEDIAKAN UNTUK  
PUAN ZAITON BT SHARIFF  
PENSYARAH ETR 300**

**OLEH  
MOHAMED HUZAIFAH BIN MOHAMED LASIN  
96807100**

**MUHD DZARIF TAQIYUDDIN AHMAD  
96847650**

**NOR SAFRIZAN B NOOR MOHAMAD  
96531316**

**MOHD AZLI B ABD KADIR  
96704122**

**AMRI HASMI B JONET  
96802466**

**FAKULTI PERAKAUNAN  
DIPLOMA PERAKAUNAN**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 17hb. Jun 1998  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakamaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohamed Huzaifah bin Mohamed Lasin	96807100
2.	Mohd Dzarif Taqiyuddin Ahmad	96847650
3.	Amri Häsmi bin Jonit	96531316
4.	Mohd Azli bin Abd. Kadir	96704122
5.	Nor Safrizan bin Noor Mohamad	96802466

Sukaçita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH  
Ketua Kursus DIA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

## **SURAT PENYERAHAN**

Fakulti Perakaunan  
Institut Teknologi MARA Cawangan Melaka  
KM 26, Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah, Melaka

21 September 1998

Puan Zaiton Bt Shariff  
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)  
Institut Teknologi MARA Cawangan Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah, Melaka

Puan

### **Penyerahan Laporan Projek Keusahawanan (ETR 300)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan segala hormatnya, kami, **ENVI CARE ENTERPRISE**, melampirkan satu projek rancangan perniagaan yang bakal beroperasi di:

**10 JALAN CB 1  
TAMAN CHENG BARU  
75250 MELAKA**

Rancangan Perniagaan ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300). Di samping itu, pengalaman yang kami perolehi nanti dapat digunakan untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan setelah kami menamatkan pengajian kelak.

Kami mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan di atas segala nasihat, tunjuk ajar dan dorongan tanpa jemu dalam menjayakan Rancangan Perniagaan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

**MENJERNIHKAN AIR, MENCERIAKAN ALAM**

Yang Benar




---

**MUHD DZARIF TAQIYUDDIN AHMAD**



---

**AMRI HASMI B JONET**



---

**MOHD AZLI B ABD KADIR**



---

**MOHAMED HUZAIFAH BIN MOHAMED LASIN**



---

**NOR SAFRIZAN B NOOR MOHAMAD**

## 1.0 PENGENALAN

Air merupakan satu sebatian kimia di antara 2 atom Hidrogen dan 1 atom Oksigen. Air, tidak dapat dinafikan merupakan salah satu keperluan asas dalam kehidupan manusia. Kegunaan air merangkumi pengguna domestik, pertanian, perlombongan dan perindustrian. Dalam ketiga-tiga sektor utama terbabit, perindustrian merupakan antara pengguna air yang terbanyak dalam menghasilkan produk. Antaranya ialah produk makanan, produk yang berasaskan getah dan sebagainya.

Pada lewat 80-an sehingga pertengahan 90-an, sektor perindustrian dikuasai oleh pengeluaran produk elektronik. Walaubagaimanapun, ketika kelembapan ekonomi melanda Malaysia bermula Julai 1997, kerajaan telah menggalakkan sektor perindustrian untuk mengeluarkan lebih banyak produk makanan kerana negara banyak mengimport makanan untuk keperluan rakyat. Oleh itu, dalam konteks ini, air akan menjadi antara bahan asas yang penting dalam mengeluarkan produk makanan dan tentunya penggunaan air akan bertambah dengan banyak.

Sehubungan itu, pembuangan air yang mengandungi sisa-sisa bahan mentah akan menjadi lebih banyak. Dalam perkara ini, pembuangan effluen perindustrian seharusnya dilakukan berteraskan tanggungjawab mencintai alam sekitar. Berdasarkan kepada ***Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; Pindaan 1997*** dan ***Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1974***, Jabatan Alam Sekitar telah menguatkuasakan undang-undang berkenaan pembuangan effluen perindustrian yang mana air buangan perlulah terlebih dahulu dirawat sebelum dibuang ke mana-mana pengairan daratan seperti parit, sungai atau tasik. Mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada RM 1,000 sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan. Seksyen 25 (3), ***Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Pindaan 1997***.